



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Dari bursa saham ke dunia perniagaan

Odeen didik Muslimah patuhi syariah pemakaian

NORSHIKIN MOHD SALLEH

JEJAK USAHAWAN

MENINGGALKAN kerjaya profesional dengan gaji puluhan ribu ringgit sedikit pun tidak memberi kekesalan buat seorang usahawan dari Johor Bahru ini.

Bapa kepada lima cahaya mata, Shahudin Ahmad, 44, mengakui perniagaan yang diusahakan bersama isteri, Aslina Mohd Islam, 40, sejak tiga tahun lalu adalah jihad buat dirinya dalam mendidik wanita Islam berpakaian menepati syariah menerusi produk keluarannya.

"Saya melihat lambakan baju Muslimah di pasaran seperti jubah, baju kurung, *blouse*, kemeja dan sebagainya terlalu banyak, namun baju T untuk golongan Muslimah ini sangat kurang dan mempunyai kebolehpasaran yang besar.

"Meskipun ada baju T Muslimah dijual di pasaran, harga yang ditawarkan agak tinggi sekitar RM50-RM60 sehelai, di situ tercetusnya idea untuk hasilkan jenama Odeen dengan harga bajet serendah RM39 termasuk GST bagi semua keluaran," katanya.

Graduan Diploma Pengajian Perniagaan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini mempunyai pengalaman lebih 15 tahun berkecimpung dalam industri pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur yang kemudiannya memasuki perniagaan sulaman berkomputer dan percetakan baju T bersama rakan kongsi.

"Saya rasa kekosongan dalam jiwa dalam kerjaya dahulu. Di situ saya terfikir dan rasa bertanggungjawab untuk menghasilkan sesuatu yang lebih

bermanfaat untuk masyarakat yang akhirnya memberi ketenangan dalam mencari rezeki.

"Maka lahirlah Odeen Marketing iaitu sebuah syarikat yang membekalkan dan memasarkan pakaian berjenama Odeen yang menawarkan rekaan terkini tanpa mengetepikan tuntutan syariah. Odeen sangat mementingkan kualiti fabrik yang selesa, potongan dan warna menarik, longgar, labuh dan selesa dipakai.


"Saya mahu orang memilih pakaian kami yang tentunya menepati ciri Muslimah dengan menggunakan fabrik tebal, tidak panas, serap peluh, tidak kedut, senang digosok, banyak pilihan warna, rekaan menarik, dijual secara runcit dan borong," katanya.

Menurutnya, konsep baju T Odeen ini sebagai pakaian harian bagi kegunaan basahan di rumah, baju bersatu, aktiviti riadah, bersiar dan baju seragam yang fungsinya boleh dipakai dalam apa jua situasi serta kehendak pelanggan dengan menepati *tagline* cantik, selesa dan bergaya.

Di awal perusahaannya, Shahudin berkata, dia menerima tempahan jualan sekitar RM20,000 sebulan dan sejak itu ia terus berkembang maju dengan lantikan ejen di seluruh negara.



BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Shahudin menggunakan laman sosial untuk promosi produknya.



Pekerja sedang menyiapkan tempahan pelanggan.

Wujud peluang pendapatan

Odeen Marketing yang beroperasi di Kampung Melayu Majidee aktif memasarkan produk menerusi medium media sosial seperti Facebook dengan lebih 65,000 pengikut selain aplikasi WhatsApp yang memudahkan urusan komunikasi dan promosi.

Shahudin berkata, perkembangan yang memberangsangkan jenama Odeen disumbangkan oleh sokongan lebih 500 ejen produk tersebut di seluruh negara.

"Saya terpenggil untuk berkongsi rezeki selain membuka peluang perniagaan buat mereka yang ingin berniaga dengan skim termudah.

"Setiap ejen hanya perlu membeli 25 helai baju T ini dan boleh menikmati potongan harga sehingga hampir 40 peratus yang secara automatiknya layak menjadi ejen kami. Setiap ejen juga dibekalkan katalog secara percuma bagi memudahkan urusan pemasaran produk Odeen.

"Lebih menarik, bagi tempahan kedua dan seterusnya, ejen boleh membuat pembelian minimum sehelai dan terus layak mendapat harga ejen. Selain itu, kami juga menawarkan khidmat *dropship* iaitu pengposan terus kepada pelanggan, di mana ejen ini tetap layak mendapat potongan yang ditawarkan," katanya.

Shahudin berazam untuk memudahkan urusan lantikan ejen, sekali gus membuka pendapatan sampingan kepada suri rumah, peniaga, pekerja swasta, kakitangan kerajaan, guru dan juga penuntut universiti.

Katanya, bagi memastikan produk pakaiannya terus berdaya saing dan mengikuti arus semasa, beliau optimis menghasilkan rekaan dan warna baharu bagi setiap tiga bulan.

"Kita gemar hasilkan produk ikut kehendak pasaran semasa malah berani dalam corak dan warna yang digunakan seperti 'colour block' (warna kontra) sekurang-kurangnya menggunakan tiga warna dalam setiap helai.

"Antara keistimewaan baju T Odeen ini secara puratanya kita mempunyai 10 rekaan baru dalam tempoh setahun dan ia memenuhi semua saiz pelanggan bermula dari XS hingga XXXL," katanya.

Idea pasukan rekanya yang kini mempunyai tujuh kakitangan juga turut menghasilkan baju T buat pasangan lelaki dan perempuan, selain rangkaian seluar palazzo.

Dalam memastikan mutu dan aktiviti promosi produk, Odeen mempunyai stor penyimpanan yang besar dan mempunyai mesin cetakan canggih Mimaki selain studio fotografi sendiri.

Perkukuh jenama Odeen

Shahudin menyasarkan jumlah jualanannya mencecah RM500,000 sebulan.

Beliau juga berhasrat mendirikan Wisma Odeen di tapak pejabat sedia ada, sekali gus memperkukuhkan jenama Odeen sebagai produk anak tempatan Johor dan Bumiputera.

"Saya juga tidak akan terhenti untuk terus menimba ilmu mencari idea bagi kepelbagaian rekaan dan produk.

"Saya juga terbuka untuk mengikuti kursus internet bagi memasarkan produk saya dengan lebih berkesan," katanya.

Kepada yang berminat menjadi ejen boleh hubungi 019-7901669 atau e-mel ke odeenmarketing@yahoo.com atau layari www.odeen.my dan Facebook: *odeen tshirt muslimah*.



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

